

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA / LEMBAGA BIDAN MALAYSIA (LJM / LBM)
UNIT PEPERIKSAAN**

TERMA RUJUKAN

ARAHAN PERATURAN PEPERIKSAAN KEPADA CALON

Calon hendaklah mematuhi arahan Ketua Pengawas di dewan/bilik peperiksaan.

1. Calon mesti memakai pakaian seragam institusi/kolej semasa menduduki peperiksaan.
2. **Calon ulangan** atau **calon yang mengandungi** boleh memakai pakaian yang sopan dan rasmi. Kemeja-T, jean dan selipar tidak dibenarkan.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang bahan rujukan dan telefon bimbit ke dalam bilik / dewan peperiksaan atau ke dalam bilik kuarantin kecuali alat tulis yang dibenarkan.
4. Bekas alat tulis yang dibenarkan untuk dibawa masuk ke dewan peperiksaan oleh pihak LJM / LBM adalah berupa plastik lut sinar.
5. Calon hendaklah berada di tempat duduk di bilik/dewan peperiksaan **30 minit SEBELUM peperiksaan bermula.**
6. Calon **tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan sekiranya** calon **LEWAT 30 minit SELEPAS** peperiksaan dimulakan.
7. Calon hendaklah membawa **Kad Pengenalan / Pasport** dan **Slip Angka Giliran** untuk pengesahan oleh Ketua Pengawas/Pengawas peperiksaan sebelum calon dibenarkan masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan/bilik kuarantin.
8. Calon yang **gagal** mengemukakan **Kad Pengenalan/Pasport dan Slip Angka Giliran tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**
9. Calon yang hilang **Kad Pengenalan hendaklah membuat laporan polis bagi membolehkan calon menduduki peperiksaan.**
10. Calon hendaklah duduk di tempat yang telah ditetapkan mengikut angka giliran masing-masing.
11. Calon tidak dibenarkan membuat bising atau melakukan perbuatan yang boleh mengganggu ketenteraman semasa peperiksaan dijalankan.
12. Calon hendaklah menggunakan pensel **2B sahaja untuk menjawab soalan MCQ.**

13. Calon hendaklah menulis **No. kad pengenalan/pasport, tarikh peperiksaan, sesi peperiksaan, angka giliran dan kod pusat** pada kertas jawapan OMR.
14. Calon **perlu menghitamkan sesi peperiksaan, angka giliran, pusat peperiksaan dan kod subjek dengan jelas** pada kertas jawapan OMR.
15. Calon perlu **memadamkan kesalahan sehabis-habisnya** pada kertas jawapan OMR **jika terdapat sebarang pindaan jawapan.**
16. Calon tidak dibenarkan menulis nama atau sebarang bentuk penulisan, simbol, pengenalan diri, institusi/kolej di atas kertas jawapan OMR.
17. Calon tidak dibenarkan untuk melipat/merosakkan kertas jawapan OMR.
18. Calon tidak dibenarkan membawa keluar buku soalan dan kertas jawapan OMR dari bilik/dewan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan.
19. Calon dikehendaki berhenti menulis apabila masa telah tamat.
20. Calon tidak dibenarkan untuk meninggalkan dewan peperiksaan dalam masa 30 minit pertama **SETELAH** peperiksaan dimulakan.
21. Calon tidak dibenarkan untuk meninggalkan dewan peperiksaan dalam masa 30 minit **SEBELUM** peperiksaan tamat.
22. **LARANGAN SEMASA CALON BERADA DI DEWAN PEPERIKSAAN.**
 - a. Mendedahkan kertas jawapan OMR sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
 - b. Meniru atau memberi peluang meniru kepada calon lain.
 - c. Menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak diri calon semasa peperiksaan.
 - d. Menukar tempat duduk yang telah ditetapkan.
 - e. Berkomunikasi dengan apa jua cara dengan calon lain semasa peperiksaan.
 - f. Calon dilarang ke tandas secara beramai-ramai dalam satu masa.